KONTENA NASIONAL SDN. BHD. & 1 LAGI

lwn.

TAN HE SING @ TAN CHEN CHUI (BAPA DAN TANGGUNGAN YANG SAH KEPADA TAN AH NI, SIMATI) & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
TUAN ABDUL WAHAB PATAIL PK
[RAYUAN SIVIL NO. 12-32 TAHUN 1994]
9 NOVEMBER 1994

***AMALAN & PROSEDUR**: Aturan 47 k.1(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi - Permohonan untuk penggantungan pelaksanaan - Keperluan keadaan khas - Maksudnya - Samada kemungkinan besar yang responden-responden tidak dapat membayar balik sebahagian daripada gantirugi kalau rayuan perayu berjaya merupakan satu keadaan khas.*

Ini adalah permohonan untuk perintah bahawa tindakan pelaksanaan dan kesemua prosiding seterusnya terhadap satu penghakiman Mahkamah Sesyen digantungkan sementara menunggu perbicaraan rayuan atas penghakiman tersebut. Permohonan yang serupa telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen atas alasan tidak ada merit.

Pertimbangan dalam kes ini bergantung atas samada kemungkinan besar responden-responden tidak dapat membayar balik sebahagian daripada gantirugi yang telah diputuskan dalam penghakiman kalau rayuan perayu berjaya merupakan keadaan khas dalam maksud A. 47 k. 1(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Diputuskan:
Tidak ada apa-apa yang dideposkan dalam affidavit untuk menunjukkan kemungkinan responden-responden tidak dapat bayar balik kalau rayuan pihak perayu berjaya, melainkan bahawa responden-responden merupakan seorang individu dan tidak bekerja. Mungkin kedudukan mereka tidak tinggi tetapi tidak ada bukti apa-apa yang menyarankan mereka orang yang membazir atau suka berbelanja, dan mungkin akan menghabiskan wang apabila diterima.

[Permohonan ditolak dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:
Hong Leong Finance Bhd v Hon Hoi Weng & Ors [1987] 2 MLJ 377 ***(dirujuk)***
Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn. Bhd. [1976] 1 MLJ 131 ***(dirujuk)***
Chan Chin Min & Anor v. Lim Yoke Eng CLJ JT(36) 1994 ***(dirujuk)***
Mark v. Bastram [1891] 1 QB 346 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 47 k. 1 (a)

Bagi pihak perayu - Jagjit Singh; T/n. Jagjit Singh & Co.
Bagi pihak responden - Pritam Singh; T/n. Sukhdev Singh & Co.

PENGHAKIMAN

Abdul Wahab Patail PK:

Pemohon melalui notis usul difailkan 21 Oktober 1994 memohon perintah bahawa tindakan pelaksanaan dan kesemua prosiding seterusnya terhadap penghakiman bertarikh 31 Januari 1991 di Mahkamah Sesyen digantungkan.

Pemohon telah memfailkan pada 15 April 1994 satu rayuan atas penghakiman tersebut, tetapi belum lagi ditetapkan untuk dibicarakan.

Sebelum itu pemohon telah memohon pada 30 Jun 1994 di Mahkamah Sesyen untuk tindakan pelaksanaan dan kesemua prosiding seterusnya terhadap penghakiman 31 Januari 1991 digantungkan. Permohonan tersebut ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen pada 12 Ogos 1994 atas alasan tidak ada merit.

Aturan 47 k. 1(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi memperuntukkan seperti berikut untuk mendapatkan penggantungan tindakan pelaksanaan dan kesemua prosiding seterusnya terhadap penghakiman:

> (a) that there are special circumstances which render it inexpedient to enforce the judgment or order;

Hong Leong Finance Bhd v Hon Hoi Weng & Ors [1987] 2 MLJ 377 telah membezakan diantara perkara dibicarakan dengan penuh dengan pembicaraan terus oleh Penolong Kanan Pendaftar. Dalam perkara kedua itu, kes *Hong Leong Finance Bhd*:

> But in the latter it seems to me that a demonstration that the probabilities are in favour of the appeal being allowed should normally be sufficient for the Court to exercise its discretion to order a stay pending appeal.

Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn. Bhd. [1976] 1 MLJ 131 telah menjelaskan kemungkinan baik perayu akan menang dalam rayuan tidak diterima sebagai "special circumstances" terutama sekali dalam kes-kes di mana telah dibicarakan penuh oleh Mahkamah.

Oleh yang demikian apakah kesan *Chan Chin Min & Anor v. Lim Yoke Eng* CLJ JT(36) 1994 tidak perlu dipertimbangkan. Mahkamah di sini hanya pertimbangkan merit permohonan di bawah A. 47 k. (1).

Perhatian haruslah kembali kepada apa itu "special circumstances" seperti dimaksudkan dalam A. 47 k. 1. *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd* telah memetik beberapa pekara yang telah diterima sebagai "special circumstances" dalam kes-kes sebelum itu:

a) An appeal which would be nugatory if stay was refused by reason of the poverty of the respondents:

   Wilson v Church (No 2) [1879] 12 Ch. D 454

b) Where payment of a judgment debt would destroy the substrata of the appeal: *Metropolitan Real and General Property Trust Ltd v. Slaters and Bodega Ltd.* [1976] MLJ 131

Dakwaan adanya penyalaharahan dalam pembicaraan tidak cukup untuk membawa sesuatu pemohonan di bawah A. 47 k. 1 dalam makna "special circumstances": *Mark v. Bastram* [1891] 1 QB 346.

Maka adalah jelas daripada rumusan hujah-hujah bahwa pertimbangan dalam kes ini bergantung atas apakah adanya kemungkinan besar responden-responden tidak dapat membayar balik sebahagian daripada gantirugi yang telah diputuskan dalam penghakiman kalau rayuan perayu berjaya.

Alasan yang diberi oleh Peguam perayu dalam affidavitnya berhubung dengan isu ini adalah seperti berikut:

15. Saya ingin meyatakan bahawa jumlah penghakiman yang diawadkan kepada pihak responden adalah besar dan jika ianya dibayar kepada pihak responden yang merupakan seorang individu, peluang untuk mendapatkan balik jumlah penghakiman tersebut adalah tipis jika rayuan pihak perayu dibenarkan oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Tidak ada apa-apa yang dideposkan dalam affidavit untuk menunjukkan kemungkinan responden-responden mungkin tidak dapat bayar balik kalau pihak perayu berjaya, melainkan bahawa responden merupakan seorang individu. Mahkamah boleh mengambil "judicial notice" isi kandungan rekod rayuan, tetapi dalam rekod tersebut juga tidak ada apa-apa bantuan melainkan bahawa responden-responden tidak bekerja.

Apakah ini tanpa lain mencukupi untuk membawa permohonan perayu dalam istilah "special circumstances". Dalam pendapat Mahkamah, tidak semestinya boleh dikatakan orang individu, lewat 50 tahun tidak bekerja dan anak keluar kerja itu, tanpa bukti-bukti lain, miskin seperti dimaksudkan oleh *Wilson v. Church* (No, 2). Mungkin kedudukan mereka tidak tinggi tetapi dalam pemeriksaan utama, balas atupun semula, tidak ada bukti apa-apa yang menyarankan mereka orang yang membazir atau suka berbelanja, dan mungkin akan menghabiskan wang apabila diterima.

Permohonan dalam notis usul ditolak dengan kos. Walau bagaimanapun Peguam responden harus mengingati anak guam adanya kemungkinan sebahagian bayaran gantirugi dikembalikan apabila rayuan dibicarakan.